

13/07/2001

Antara cukai korporat, bonus kakitangan awam

Kadir Dikoh

CUKAI korporat akan dikurangkan? Inilah bayangan yang diberikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila ditanya pemberita selepas mempengerusikan buat kali pertama Dialog Belanjawan 2002 sebagai Menteri Kewangan, di Putrajaya, Selasa lalu.

"Kita sedang meneliti ke arahnya (pengurangan cukai korporat). Kita juga harus melihat keperluan kita untuk (mendapatkan) hasil kita," katanya.

Perdana Menteri tidak membayangkan berapa peratus ia akan dikurangkan tetapi dalam memorandum kepada Dialog Belanjawan 2002 itu, beberapa pihak mendesak supaya ia dikurangkan dua peratus kepada 26 peratus.

Ia adalah satu berita baik dan tidak baik.

Baik untuk syarikat kerana mereka tidak perlu membayar cukai lebih banyak kepada kerajaan. Buat masa sekarang, setiap RM100 keuntungan mereka, RM28 wajib dibayar kepada kerajaan dalam bentuk cukai korporat.

Cukai korporat sekarang ialah 28 peratus dan jika dikurangkan kepada 26 peratus, bermakna hasil kerajaan berkurangan RM2 bagi setiap RM100 keuntungan syarikat, iaitu kepada RM26 saja. Bayangkan beribu-ribu syarikat beroperasi di negara ini, termasuk syarikat asing yang turut dikenakan cukai yang sama.

Dianggarkan setiap satu peratus pengurangan cukai korporat, kerajaan dijangka kekurangan hasil sekurang-kurangnya RM139 juta. Bagi suku pertama tahun ini, kutipan cukai korporat adalah RM2.6 bilion atau 17.6 peratus daripada jumlah pendapatan Kerajaan Pusat. Sepanjang tahun lalu, RM13.91 bilion dikutip atau 23 peratus daripada jumlah pendapatan kerajaan.

Berita tidak baik? Jika pendapatan kerajaan berkurangan, harapan kakitangan awam untuk mendapat bonus agak tipis. Inilah tanggapan umum berdasarkan kiraan matematik mudah.

Namun, pengumuman bonus ini jugalah kerap ditunggu-tunggu apabila Belanjawan Negara dibentangkan setiap tahun. Alasan kerajaan sama ada untuk memberi bonus atau tidak, bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Namun, kata Dr Mahathir, kerajaan tidak akan memberikan pemotongan cukai korporat itu dengan sewenang-wenangnya tanpa terlebih dulu mengkaji pulangnya kerana ada cukai yang apabila dikurangkan akan mengembangkan perniagaan.

"Tetapi kalau kita turun cukai begitu saja dengan tidak ada pulangan daripada sudut lain, maka kerajaan akan kekurangan peruntukan dan kita akan ada defisit Belanjawan yang lebih besar," katanya.

Pengurangan cukai korporat dijangka mendorong syarikat untuk memperluaskan operasi atau menceburi kegiatan baru.

Syor Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dalam memorandum kepada Dialog Belanjawan 2002 agak menarik apabila menyatakan bahawa pengurangan cukai pendapatan korporat daripada 28 peratus kepada 26 peratus tahun depan perlu bagi memastikan persekitaran menarik bagi kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) untuk bersaing dengan kadar cukai negara serantau.

Rasionalnya ialah lebih pendapatan syarikat korporat berikutan pengurangan dua peratus itu, akan digunakan untuk kepenggunaan dan pelaburan lain dan dengan itu boleh menggerakkan lagi kegiatan ekonomi bagi menyokong penajaan pertumbuhan negara.

Kegiatan tambahan ini akan memberikan sumber pendapatan baru kepada kerajaan, lantas berupaya mengimbangi kehilangan pendapatannya berikutan

pengurangan cukai korporat itu. Itu alasan logik yang diberikan oleh FMM.

Mungkin Belanjawan untuk tahun depan memberi lebih insentif bagi menggalakkan syarikat tempatan meningkatkan pelaburan mereka di dalam negara dan sebarang pemotongan cukai selain cukai korporat perlu diimbangi dengan produktiviti.

Langkah itu, kata Perdana Menteri, adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan pelaburan domestik sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara bagi menampung kemungkinan penurunan dalam FDI.

"Ada insentif untuk itu, secara umum kepada pelaburan domestik," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan akan menimbangkan memberi insentif bagi meningkatkan lagi kadar pertumbuhan pelaburan domestik. Kerajaan akan menimbangkan memberi potongan kepada jenis cukai yang jika dikurangkan mampu menggerakkan lagi kegiatan perniagaan.

Kali terakhir cukai korporat dikurangkan ialah pada 1998, iaitu sebanyak dua peratus daripada 30 peratus. Bagaimanapun, kadar cukai korporat di Malaysia masih antara yang terendah di rantau Asia.

Kadar cukai korporat di Jepun adalah yang tertinggi di Asia, iaitu 37.5 peratus. Korea Selatan dan Hong Kong mengenakan cukai korporat pada kadar terendah, masing-masing 17.6 dan 16 peratus.

Di rantau Asia Tenggara pula, hanya Singapura dan Vietnam mempunyai kadar yang lebih rendah daripada Malaysia. Ini bermakna secara relatif, Malaysia masih menawarkan iklim percukaian yang baik untuk menarik lebih ramai pelabur.

Jika kerajaan mengurangkannya kepada 26 peratus, bermakna kadar cukai korporat negara hampir menyamai Singapura yang mengenakan kadar 25.50 peratus mulai tahun ini.

Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Tun Daim Zainuddin, Oktober lalu, tidak mengumumkan potongan dalam cukai pendapatan korporat sebagaimana dijangka tetapi kali ini ahli ekonomi berpendapat, kemungkinan itu hampir pasti berdasarkan perkembangan ekonomi sejagat berikutan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan kerapuhan ekonomi Jepun.

Keadaan ini memaksa FDI di seluruh dunia terjejas tetapi di Asia, kebanyakan FDI beralih ke China kerana kosnya lebih murah, menyebabkan kebimbangan mula timbul di beberapa negara Asia lain, termasuk Malaysia, yang baru hendak bangkit semula selepas dilanda kemelut krisis kewangan serantau.

Antara strategi terbaik untuk menarik FDI atau lebih tepat lagi untuk mengalihkan FDI ke Malaysia, ialah dengan mengurangkan cukai korporat. Insentif ini akan membantu kemasukan pelaburan asing ke dalam negara selain insentif bagi pelabur tempatan ke arah menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia, yang sudah pulih setelah dilanda krisis kewangan serantau pada 1997/98.

Bagaimanapun, ada pihak menyatakan bahawa kadar cukai bukan faktor dominan dalam membuat keputusan pelaburan. Fakta lain, seperti kemudahan infrastruktur yang baik, insentif pelaburan lain, kestabilan politik dan kesediaan pekerja mahir juga mempengaruhi keputusan pelaburan.

Dewan Perdagangan Amerika-Malaysia (Amcham) baru-baru ini turut meminta kerajaan mengurangkan kadar cukai korporat 28 peratus untuk menarik minat syarikat asing beroperasi di Malaysia.

Presiden Amcham, Nicholas S Zefferys, berkata Malaysia juga perlu menambah tarikan kepada insentif cukainya yang sedia ada, terutama kepada syarikat asing yang sudah lama beroperasi di negara ini.

Dalam sidang Dewan Rakyat sebelum ini pun, cadangan pengurangan cukai korporat turut dikemukakan, iaitu kepada 25 peratus saja, sebagai insentif kepada sektor swasta meningkatkan pelaburan masing-masing.

Andainya kerajaan tidak mengurangkan cukai korporat itu, kebimbangan tetap wujud mengenai kemungkinan FDI ke negara ini berkurangan kerana

tarikan kuat dari China yang menawarkan kos operasi persekitaran perniagaan yang jauh lebih murah. Ini juga memungkinkan syarikat dari Malaysia sendiri tertarik untuk melabur di Beijing.

Dr Mahathir menyedari hakikat itu dengan saranannya supaya pelaburan tempatan dipertingkatkan kerana negara ini mempunyai kapasiti berbuat demikian. Malah, katanya, tumpuan kerajaan kepada pelaburan dalam negara bagi memastikan teras pembangunan adalah untuk faedah rakyat.

Katanya, pembabitan pengusaha dalam negara perlu diberi tumpuan kerana kerajaan mengenal pasti banyak bidang pembuatan boleh dilakukan oleh syarikat tempatan.

"Kita tidak boleh berharap pelaburan asing kerana sekarang tidak banyak. Yang ada pun lebih tertumpu ke negara China kerana di sana lebih murah daripada negara kita. Jadi, kita sekarang nak tumpu kepada pelaburan dari dalam negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata, banyak negara Teluk dan negara membangun lain yang biasa membeli barangan dari Eropah, Jepun dan Korea, kini beralih kepada Malaysia kerana mutu barangan tempatan yang lebih tinggi.

Mereka sekarang berminat membeli barangan dari Malaysia dan sentimen itu disuarakan oleh pemimpin negara terbabit, bahkan ada di kalangan mereka secara khusus meminta supaya negara ini membekalkan barangan.

"Oleh itu, kalau kita tingkatkan pelaburan dalam Malaysia dalam bidang pengeluaran barangan ini, saya yakin bahawa kita dapat mengambil alih daripada kekurangan pelaburan langsung asing.

"Ini akan menolong menyumbang kepada pembangunan ekonomi kita ketika kita dapati pelaburan asing akan berkurangan," katanya.

Malaysia mempunyai potensi mengeluarkan barangan tertentu bagi tujuan eksport kerana sekarang pengusaha tempatan sudah mempunyai kecekapan dalam bidang pembuatan. Sudah banyak barangan tempatan boleh diekport seperti barangan dapur, pabrik dan perabot.

"Barangan ini kita boleh eksport kepada negara yang bukan menjadi rakan dagangan tradisional. Kita dapati banyak sekarang ini yang berminat membeli barangan yang berasal dari Malaysia kerana mereka anggap Malaysia pengeluar barangan bermutu," katanya.

Namun, kerajaan cuma berupaya memberi saranan dan insentif dan keputusan akhir tetap di tangan pelabur swasta sendiri.

Kadar pertumbuhan sektor swasta dikatakan masih di bawah paras tahap sebelum krisis kewangan 1997/98.

Justeru, sektor swasta perlu bergiat dengan lebih cergas supaya mereka dapat mencapai potensi pertumbuhan sebenar. Kerajaan sudah melaksanakan pelbagai usaha dan program untuk menjanakan pertumbuhan.

Meskipun pengembangan ekonomi dalam negara lebih didorong rangsangan fiskal, semua pihak, terutama sektor swasta perlu tampil memainkan peranan masing-masing bagi mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi.

Sektor swasta juga perlu mempertingkatkan daya saing dan daya tahan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran luar yang mencabar berikutan daripada arus perkembangan globalisasi, liberalisasi dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Untuk membolehkan negara bersaing dengan berkesan di arena antarabangsa, usaha lebih konkrit dan terancang perlu dilaksanakan. Kerajaan sudah merancang membawa pembangunan negara ke arah pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Dalam hubungan ini, saya ingin juga menyarankan sektor swasta untuk turut serta dalam mempertingkatkan daya saing negara dengan beroperasi secara lebih cekap.

"Mereka perlu memberi lebih tumpuan kepada kegiatan meningkatkan produktiviti melalui latihan, kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menggunakan teknologi secara intensif, terutama teknologi tinggi

yang boleh meningkatkan nilai tambah.

"Kedudukan R&D masih berada pada tahap yang rendah, iaitu hanya 0.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 1998. Tahap daya saing negara juga tidak banyak berubah di sekitar tangga ke-27 hingga ke-29 bagi tempoh 1999 hingga April 2001," kata Dr Mahathir.

(END)